



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP)

#### 1. Apakah itu *Young Talent Development Programme (YTP)*?

*Young Talent Development Programme (YTP)* adalah program penajaan pelajaran berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar cemerlang lepasan SPM 2019 bagi menyambung pengajian bermula di peringkat persediaan hingga ke peringkat ijazah pertama di institusi terpilih.

#### 2. Apakah kursus dan syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon Program YTP?

Kursus dan syarat kelayakan Program YTP boleh dirujuk dalam senarai kursus dan syarat kelayakan semasa permohonan dibuka.

#### 3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program YTP?

Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Portal MARA <http://www.mara.gov.my> apabila permohonan dibuka. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai **pengguna baharu** sebelum mengisi permohonan. Pemohon juga dinasihatkan membaca dan memahami garis panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan.

#### 4. Berapa lamakah tempoh permohonan dibuka?

Permohonan dibuka selama **12 hari mulai 05 Mac 2020 (Khamis) pukul 9.00 pagi hingga 16 Mac 2020 ( Isnin ) pukul 12.00 tengah hari**.

#### 5. Bolehkah saya memohon Program YTP sekiranya Ibu saya telah disenarai hitam MARA?

Tidak boleh. Ibu, ayah, penjaga, penjamin dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program YTP.

#### 6. Mengapakah saya tidak boleh memohon Program YTP di dalam sistem setelah membuat pemutihan (bayaran) akibat senarai hitam?

Pemohon hanya boleh membuat permohonan YTP di dalam sistem selepas 24 jam dari tempoh bayaran dibuat. Pemohon dinasihatkan segera membuat pemutihan sebelum sistem permohonan di tutup mengikut tarikh dan waktu yang telah ditetapkan.

#### 7. Sekiranya permohonan telah ditutup, adakah saya boleh memohon secara manual menggunakan surat permohonan?

Tiada permohonan secara manual dibenarkan.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP)

**8. Adakah pemohon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian?**

Tidak. Pemohon yang berjaya ditawarkan di bawah Program YTP perlu mengikuti program persediaan di institusi yang telah ditetapkan oleh MARA sahaja.

**9. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Pemohon dinasihatkan untuk menyemak syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbang untuk ditawarkan Program YTP.

**10. Adakah saya perlu menduduki ujian psikometrik dan proses temuduga selepas memohon?**

Semua pemohon wajib menduduki ujian psikometrik secara atas talian semasa mengisi permohonan Program YTP, manakala proses temuduga hanya melibatkan kursus tertentu sahaja. Sebarang maklumat berkaitan temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa.

**11. Apakah bentuk tajaan yang akan saya terima sekiranya ditawarkan dalam Program YTP?**

Tajaan pinjaman pelajaran di peringkat persediaan merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup serta Elaun Pengangkutan. Elaun Pengangkutan (pergi & balik) hanya akan dibayar kepada pelajar Semenanjung yang mendapat tawaran pengajian di Sabah/Sarawak atau pelajar Sabah/Sarawak yang mendapat tawaran pengajian di Semenanjung.

**12. Saya mendapat 8A dalam peperiksaan SPM 2018. Bolehkah saya memohon?**

Tidak boleh. Permohonan hanya dibuka kepada pelajar-pelajar yang telah menduduki **SPM** buat kali pertama **pada tahun 2019** sahaja.

**13. Adakah pihak MARA boleh menawarkan kursus selain daripada pilihan pertama dan kedua pemohon semasa permohonan dibuat?**

Ya. MARA berhak menawarkan kursus selain pilihan pertama dan pilihan kedua kepada pemohon berdasarkan kepada merit pemilihan serta jumlah kuota bagi sesuatu kursus. Sebarang permohonan pertukaran kursus oleh pemohon adalah tidak dibenarkan.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP)

**14. Adakah saya perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?**

Tidak perlu. Pemohon hanya perlu mencetak slip pengesahan permohonan setelah selesai membuat permohonan untuk tujuan rujukan.

**15. Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan?**

Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di Portal MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.

**16. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian seperti berikut:-

Telefon : 03-261 32487 / 32099 / 32098 / 32108

Email : postspm@mara.gov.my